

Surat khabar: Berita Harian (Rencana)
 Hari/Tarikh: 4/1/2014
 Muka surat: 14

Tajuk : Pendidikan Berkualiti Jamin Survival Negara.

Pendidikan berkualiti jamin survival negara

Kelemahan kuasai Matematik, Sains serta bahasa Inggeris mesti diatasi



Jeniri
Amir

Penulis
ialah pensyarah
di Universiti
Malaysia Sarawak

Ketika ibu bapa menghantar anak ke sekolah pada hari pertama persekolahan beberapa hari lalu, sudah pasti jauh di sudut hati mereka mahu melihat anak memperoleh pendidikan berkualiti dan menjadi insan yang sempurna. Memang menjadi impian ibu bapa melihat anak mereka berjaya dari segi pendidikan.

Perjalanan seribu batu bermula dengan langkah pertama. Berbanding dengan 30 atau 40 tahun lalu, kesedaran ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan, lebih-lebih lagi pendidikan berkualiti sudah jauh meningkat. Bagi mereka, pendidikan berkualiti akan menentukan kejayaan anak.

Kita mahu mereka mendapat kesamarataan peluang pendidikan bagi mencapai potensi masing-masing. Pendidikan adalah senjata paling ampuh untuk mengubah nasib dan masa depan individu, masyarakat, negara dan dunia. Ketika persaingan untuk mendapatkan pekerjaan semakin sengit, hanya pendidikan yang sesuai dan berkualiti menjamin kejayaan di pasaran kerja.

Modal insan berkualiti

Pendidikan berperanan bukan sahaja mengubah nasib seseorang tetapi wadah penting untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Sejauh mana kita dapat melahirkan modal insan yang berdisiplin, berilmu pengetahuan, dan berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang akan menentukan kedudukan kita pada masa depan.

Pendidikan membuka peluang kepada murid yang baru memasuki sekolah mengubah nasib, meningkatkan taraf hidup dan menyumbang kepada pembangunan negara. Ibu bapa sanggup berkorban masa, tenaga dan wang ringgit kerana mereka meletakkan harapan tinggi terhadap anak. Menjadi kebanggaan ibu bapa jika anak mereka meraih kejayaan cemerlang dalam peperiksaan, memasuki universiti dan mendapat pekerjaan dengan gaji lumayan.

Menyadari persaingan yang semakin sengit pada peringkat global dan pentingnya pendidikan berkualiti diberi kepada rakyat negara ini, kerajaan secara konsisten menyalurkan peruntukan besar kepada bidang pendidikan. Kerajaan sedar pendidikan menjamin kemajuan masyarakat dan negara.

Sesungguhnya, kita tidak ada pilihan jika hendak berdiri sama tinggi dengan negara lain dari segi kemajuan dan pertumbuhan ekonomi. Namun, dengan prestasi kita dalam bidang Sains dan Matematik serta Bahasa Inggeris yang tidak memberangsangkan, tentu ia sesuatu yang merisaukan.

Prestasi murid Malaysia menurun ke

tahap di bawah purata antarabangsa bagi Matematik dan Sains. Malah, 35 peratus dan 38 peratus murid negara ini gagal mencapai tahap kemahiran minimum dalam Matematik dan Sains pada 2011. Maksudnya, murid kita memiliki penguasaan konsep asas Matematik dan Sains yang terbatas.

60 peratus pelajar gagal Matematik

Hampir 60 peratus murid berumur 15 tahun yang menyertai PISA 2009+ gagal mencapai tahap kemahiran minimum dalam Matematik, manakala 44 peratus dalam bacaan dan 43 peratus dalam Sains tidak mencapai tahap minimum standard antarabangsa. Kelemahan ini dan kemerosotan dalam bahasa Inggeris perlu segera diatasi, terutama dalam kalangan murid luar bandar.

Tahap pelaburan tinggi dalam pendidikan terbukti sejak negara mencapai kemerdekaan sehingga kita dapat menyediakan pelbagai kemudahan, termasuk sekolah berasrama, guru terlatih, makmal sains, pusat sumber dan seumpamanya.

Misalnya, pada 2011, jumlah perbelanjaan pendidikan adalah sebanyak 3.8 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG). Pada 2012 pula, kerajaan terus menyediakan peruntukan terbesar iaitu RM36 bilion atau 16 peratus daripada jumlah bajet kepada Kementerian Pendidikan.

Berbanding dengan negara lain, ternyata peruntukan yang disalurkan untuk pendidikan adalah relatif tinggi. Sistem pendidikan negara mengukir kejayaan dan kemajuan besar sejak kemerdekaan. Ketika negara mencapai kemerdekaan pada 1957, lebih separuh daripada rakyat tidak mendapat pendidikan formal.

Untuk rekod, sekitar enam peratus sahaja kanak-kanak menerima pendidikan peringkat menengah dan hanya satu peratus mendapat pendidikan lepas menengah. Namun, 55 tahun kemudian akses kepada pendidikan sudah melonjak, malah melangkaui jangkaan. Pada 2011, enrolmen pada peringkat pendidikan rendah sudah hampir sejagat iaitu 94 peratus dan peratusan murid yang tercicir daripada pendidikan rendah menurun dengan ketara.

Kementerian Pendidikan sudah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia bagi memenuhi keperluan negara pada masa depan. Kita berharap matlamat dan hasrat pelan itu dapat dipenuhi bagi mentransformasikan nasib rakyat dan menjamin survival negara di persada antarabangsa.



E-mel: rencanabh@bh.com.my
 untuk berkongsi pendapat anda

Di
Ba

SIDANG REDAKSI

Pengarang Urusan
Kumpulan NSTP
Datuk Abdul Jalil Hamid
jalil@bh.com.my

Pengarang
Kumpulan BH
Mahfar Ali
maha@bh.com.my

Timbalan Pengarang
Kumpulan BH
Badrulhisham Othman
baneta@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Berita dan E-hwal Semasa
Norhayati Md Said
yatisaid@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Mingguan/BH2
Zainor Said
zaino@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Pengeluaran/e-Paper
Rosli Safar
rosli@bh.com.my

Berita Harian
diterbitkan oleh The New
Straits Times Press (M)
Bhd, Jalan Riong, 59100
Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-22-6787
Faks: 03 20567081
Laman Web:
www.bharian.com.my
E-mel:
bhrencana@bh.com.my